



## KORPORASI PEMBANGUNAN DESA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan yang mempunyai Lesen Perniagaan yang sah dan berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah ( PUKONSA ) dan memiliki sijil perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam kod/kelas/gred dan kepala/sub-kepala/kategori/pengkhususan yang disebut serta yang masih dibenarkan membuat tawaran sebut harga seperti berikut:

| NO. TAWARAN   | TAJUK SEBUT HARGA                                                                                                                 | KOD BIDANG PENDAFTARAN                                                                                                                                                                                                                                                               | TEMPAT MENGAMBIL DOKUMEN SEBUT HARGA                                                                                                           |
|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| KPD/Q/2026/05 | Kerja-kerja menaiktaraf dan melebar bangunan Kilang Pemprosesan Madu Sikuati, Kudat                                               | i. PUKONSA: Kelas F<br>Tajuk: I, Tajuk Kecil: 1 dan/atau;<br>Tajuk: II, Tajuk Kecil: 2(a)<br>ii. CIDB: Gred G1<br>Kategori B, Pengkhususan B04<br>Kategori: CE, Pengkhususan: CE21<br>iii. Lesen niaga yang masih sah; dan<br>iv. Memiliki Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah. | Bahagian Perolehan & Harta, Ibu Pejabat Korporasi Pembangunan Desa, Aras 2, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Wisma Pertanian, 88300 Kota Kinabalu. |
| KPD/Q/2026/06 | Pembinaan satu (1) unit pondok pemeliharaan cendawan dan kerja-kerja berkaitan di Projek Tanaman Cendawan Moyog.                  | i. PUKONSA: Kelas F<br>Tajuk: I, Tajuk Kecil: 1 atau;<br>Tajuk: II, Tajuk Kecil: 2(a)<br>ii. CIDB: Gred G1<br>Kategori B, Pengkhususan B04<br>Kategori: CE, Pengkhususan: CE21<br>iii. Lesen niaga yang masih sah; dan<br>iv. Memiliki Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.     |                                                                                                                                                |
| KPD/Q/2026/07 | Perolehan bahan dan peralatan pembinaan serta pembaikan untuk pondok cendawan peserta kontrak Projek Cendawan Kundasang dan Moyog | i. PUKONSA: Kod Bidang: 140100<br>ii. Sijil Taraf Bumiputera (jika ada); dan<br>iii. Lesen niaga yang masih sah                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                |

1.0 Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan bagi setiap penyebut harga yang menyertai tawaran ini seperti ditetapkan berikut:

| NO. TAWARAN   | TEMPAT BERKUMPUL                           | TARIKH                    | MASA       | PEGAWAI DIHUBUNGI                               |
|---------------|--------------------------------------------|---------------------------|------------|-------------------------------------------------|
| KPD/Q/2026/05 | Kilang Pemprosesan Madu KPD Sikuati, Kudat | 10 Ogos 2026<br>( Isnin ) | 11.30 pagi | Puan Norilah Hj Mohd Tery<br>(013-8115610)      |
| KPD/Q/2026/06 | APCC KPD Moyog                             |                           | 10.00 pagi | Puan Nurul Fahthin Binti Idrus<br>(010-3559191) |

2.0 Tarikh dan Masa Pengambilan Dokumen : **07 Ogos 2026 (Jumaat) – 13 Ogos 2026 (Khamis)**

8.00 pagi hingga 12.30 tengahari (Isnin – Khamis)  
8.00 pagi hingga 11.30 pagi (Jumaat)

3.0 Para Kontraktor/Penyebut Harga **WAJIB** menunjukkan **Sijil Asal Pendaftaran PUKONSA, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran CIDB, Salinan Asal Lesen Perniagaan yang masih sah** dan **Sijil Taraf Bumiputera** serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil/lesen berkenaan semasa mengambil dokumen tawaran.

4.0 Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baharu/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA; dan

3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

5.0 **Harga Dokumen : RM50.00** (Pembayaran boleh dibuat dalam bentuk Wang Tunai atau Secara Atas Talian sahaja). **Cek tidak diterima.**

6.0 **Tarikh Tutup Tawaran : 13 Ogos 2026 (Khamis), Pukul 10.00 pagi.** Dokumen Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

- 7.0** Semua maklumat yang dikehendaki dalam Dokumen Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Korporasi Pembangunan Desa berhak menolak mana-mana dokumen sebut harga yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Korporasi Pembangunan Desa juga tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan penyebut harga gagal mendapat tawaran. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil-sijil/lesen dan dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri** dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tawaran di penjuru kiri sudut atas sampul surat dan dialamatkan kepada :

Setiausaha Jawatankuasa Sebut Harga  
Korporasi Pembangunan Desa  
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,  
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,  
88300 KOTA KINABALU.

- 8.0** Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti berikut:

Korporasi Pembangunan Desa  
Aras 2, Wisma Pertanian Sabah,  
Jalan Wisma Pertanian, Luyang,  
88300 KOTA KINABALU.

- 9.0** Korporasi Pembangunan Desa (KPD) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**PENGURUS BESAR  
KORPORASI PEMBANGUNAN DESA**